



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PENCALONAN SEMULA MALAYSIA SEBAGAI AHLI MAJLIS PERTUBUHAN PENERBANGAN AWAM ANTARABANGSA (ICAO) DI BAWAH KATEGORI III BAGI PENGGAL 2025–2028

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Malaysia telah berjaya mempertahankan kerusi sebagai Ahli Majlis (Council Member) Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) di bawah Kategori III bagi penggal 2025 hingga 2028. Kejayaan ini diumumkan selepas proses pengundian yang berlangsung pada 30 September 2025 semasa Perhimpunan Agung ICAO ke-42 di Montreal, Kanada.
2. Malaysia telah mengekalkan kedudukan sebagai Ahli Majlis ICAO selama tujuh (7) penggal berturut-turut sejak tahun 2007. Ini mencerminkan keyakinan komuniti antarabangsa terhadap komitmen Malaysia dalam memajukan keselamatan, inovasi dan kemampunan sektor penerbangan awam global.
3. Delegasi Malaysia ke Perhimpunan Agung ICAO kali ini diketuai oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan. Sepanjang sesi tersebut, pelbagai usaha melobi telah dilaksanakan termasuk mengadakan 42 mesyuarat dua hala dan pelbagai hala bersama ketua-ketua delegasi negara lain serta pertubuhan serantau.
4. Pada awalnya, sebanyak 14 negara telah bersaing untuk merebut 13 kerusi di bawah Kategori III. Namun, kegagalan Rusia mempertahankan kerusi di bawah Kategori I dan II telah membuka satu lagi kekosongan di Kategori III. Rusia kemudiannya mencalonkan diri di bawah Kategori III, menjadikan keseluruhan pencalonan kepada 15 negara bagi kategori tersebut.
5. Hasil pengundian, Malaysia bersama 13 negara lain telah berjaya memenangi kerusi Ahli Majlis ICAO di bawah Kategori III dengan undian sebanyak 154 undi pada kedudukan ketujuh daripada 15 negara yang telah bertanding. Keputusan pemilihan di bawah Kategori III adalah seperti berikut:





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Kedudukan	Negara	Bilangan Undi
1.	Qatar	170
2.	Emiriyah Arab Bersatu (UAE)	170
3.	Morocco	162
4.	Cuba	161
5.	Republik Korea	158
6.	Uganda	155
7.	Malaysia	154
8.	Equatorial Guinea	154
9.	Ecuador	152
10.	Poland	152
11.	Angola	150
12.	Mali	150
13.	Uruguay	146
14.	Belize	139

6. Pemilihan pada kali ini merupakan pencapaian terbaik Malaysia dari segi bilangan negara yang memberi sokongan kepada Malaysia. Secara perbandingan, pada tahun 2022, Malaysia mendapat sebanyak 136 undi dan berada di kedudukan ke-13 daripada 14 negara yang bertanding.
7. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat serta dedikasi tinggi semua pihak yang terlibat, termasuk pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan, Kementerian Luar Negeri, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Malaysia Aviation Group (MAG), Batik Air, AirAsia dan AirAsia X. Kementerian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang kepada kejayaan ini.
8. Seiring dengan kejayaan ini, Malaysia akan terus memperkukuhkan komitmen terhadap ICAO dalam memastikan keselamatan penerbangan, menyokong inisiatif inovasi, serta memperjuangkan kemampanan industri penerbangan global. Malaysia juga akan terus membangun infrastruktur strategik serta mempertingkatkan keupayaan institusi bagi memenuhi keperluan generasi profesional penerbangan masa hadapan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA 1 Oktober, 2025

-TAMAT-

TENTANG MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)

+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

